

# DINAMISME INTERAKSI BUDAYA: PENERAPAN PENGARUH ARAB DALAM MANUSKRIP PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU

*(The Dynamism of Cultural Interaction: Application of Arabic Influence in Traditional Malay Medicine Manuscripts)*

Salmah Jan Noor Muhammad  
salmahjan@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Salmah Jan Noor Muhammad. (2024). Dinamisme interaksi budaya: Penerapan pengaruh Arab dalam manuskrip perubatan tradisional Melayu. *Malay Literature*, 37(1), 27–48. [https://doi.org/10.37052/ml37\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/ml37(1)no2)

Received: Peroleh:	18/1/2024	Revised: Semakan	26/2/2024	Accepted: Terima:	17/4/2024	Published online: Terbit dalam talian:	20/6/2024
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

## Abstrak

Pengaruh aspek budaya Arab dalam perubatan Melayu mencerminkan sebuah dinamisme interaksi budaya yang telah membentuk landskap perubatan tradisional Melayu. Proses ini dapat difahami dengan melihat pada perdagangan antara negeri-negeri Melayu dengan pelabuhan di tanah Arab. Budaya Arab memiliki dampak signifikan terhadap kosmologi, terminologi, terapi dan farmakologi dalam perubatan Melayu. Dengan kata lain, hingga kini, unsur budaya Arab menjadi faktor utama dalam perkembangan perubatan Melayu. Penulisan ini untuk mengenal pasti dan menganalisis penerapan pengaruh Arab dalam manuskrip perubatan tradisional Melayu sebagai suatu dinamisme interaksi budaya, manakala metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan analisis teks, dengan menggunakan manuskrip perubatan tradisional Melayu terpilih sebagai sumber utama. Hasil penelitian menemukan tiga aspek kunci interaksi budaya Arab dalam perubatan Melayu, termasuk penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu, pemilihan hari dan waktu serta integrasi ayat al-Qur'an dalam konteks perubatan. Penelitian ini diharapkan dapat

memberikan pemahaman yang komprehensif dan menjadi sumber rujukan bagi pengkaji dalam bidang perubatan tradisional dan moden. Penulisan ini juga turut berusaha memberikan wawasan mengenai kepentingan budaya Arab dalam pembentukan identiti perubatan Melayu selain menekankan kesan positif daripada proses asimilasi budaya Arab dalam memperkukuh dan mempererat hubungan antara kebudayaan Melayu dengan Arab.

Kata kunci: Interaksi budaya, pengaruh Arab, perubatan Melayu, manuskrip Melayu, al- Quran, Jawi

### *Abstract*

*The influence of the Arab culture in Malay medicine reflects a dynamism of cultural interaction that has shaped the landscape of traditional Malay medicine. This process can be understood by looking at the trade between the Malay states and ports in the Arab lands. Arab culture has a significant impact on cosmology, terminology, therapy and pharmacology in Malay medicine. In other words, to date, elements of Arab-Islamic culture have been the major factor in the development of Malay medicine. This paper focuses on identifying and analysing the application of Arabic influence in traditional Malay medicine manuscripts as a dynamism of cultural interaction. The methodology for this study involves library research and text analysis, using selected traditional Malay medicine manuscripts as the main source. This study identifies three key aspects of Arab cultural interaction in Malay medicine, including the use of the Arab-Malay huruf, the selection of days and times, as well as the integration of Quranic verses in the medical context. It also seeks to provide a comprehensive understanding and become a source of reference for researchers in the field of traditional and modern medicine. The writing also seeks to provide insights of the importance of Arab-Islamic culture in the formation of Malay medical identity as well as to emphasise the positive impact of the assimilation process of Arab culture in strengthening the relationship between Malay and Arab cultures.*

*Keywords: Cultural interaction, Arabic influence, Malay medicine, Malay manuscript, al-Quran, Jawi*

## PENGENALAN

Interaksi aspek budaya Arab dalam bidang perubatan Melayu tradisional telah membuktikan bahawa terdapat suatu transisi intelektual yang merentasi sempadan sejarah dan geografi antara wilayah Timur Tengah dengan Nusantara. Kedatangan orang Arab ke Tanah Melayu telah memberikan pengaruh yang signifikan terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan Islam di wilayah ini. Dampak yang paling ketara ialah perubahan dalam kepercayaan masyarakat Melayu yang sebelum ini mengamalkan animisme, kemudian Hindu-Buddha dan seterusnya beralih kepada agama Islam yang bukan sahaja terhad kepada aspek agama, malah turut melibatkan perubahan sosiobudaya. Konsep baharu seperti pemerintahan yang adil, undang-undang Islam, dan norma etika dalam berinteraksi sesama manusia diperkenalkan dan membentuk sebuah masyarakat yang lebih teratur dan beradab. Menurut Latifah Abdul Latif et al. (2018), pendidikan agama di Malaysia merupakan inisiatif dan usaha gigih orang Arab yang prihatin terhadap pemahaman agama orang Melayu beragama Islam dan telah memberikan sumbangan yang besar terhadap kemajuan pemikiran manusia.

Hubungan perdagangan dengan orang Arab turut memperkuatkan lagi perkembangan bidang perubatan di Tanah Melayu. Dalam konteks perubatan, pengaruh orang Arab terlihat dalam pengenalan bahan dan metode untuk merawat penyakit. Bahan seperti air madu, habbatus sauda dan minyak zaitun yang diperolehi dari Arab menjadi dasar pembuatan atau pembikinan bahan perubatan Melayu tradisional. Masyarakat Melayu menerima bahan-bahan ini berdasarkan pengamatan bahawa bahan ini memiliki khasiat untuk mengubati pelbagai penyakit lazim seperti demam kepialu, cika dan restung. Karya Nuruddin al-Raniri, iaitu *Bustan Al-Salatin* Bab Tujuh mencatatkan manfaat pelbagai bahan termasuklah air madu yang sering dicampurkan dengan bahan-bahan lain kerana khasiatnya dalam menjaga kesihatan manusia. Air madu, selain menghancurkan balgham, juga digunakan untuk menerangkan mata, menguatkan paru-paru serta menghilangkan segala kendur (tidak tegang) dalam perut. Keistimewaan air madu juga terletak pada kemampuannya menguatkan syahwat dan menyegarkan tubuh badan (*Bustan al-Salatin*, MSS 3059:132).

Ali Abdullah al-Difa (2015) menegaskan bahawa proses interaksi budaya dalam perubatan Melayu diserap dengan mudah kerana kemajuan perubatan yang telah dicapai di tanah Arab sebelum kedatangan Islam.

Kehadiran Islam menjadi titik tolak penting yang memperkaya pengetahuan orang Arab dan meningkatkan kecekapan mereka dalam bidang perubatan. Selain itu, 'Amir al Najjar (1987) menyatakan bahawa tanah Arab kaya dengan tumbuhan yang memberikan sumbangan signifikan kepada perkembangan perubatan. Beliau merujuk ayat al-Quran, surah Al-Nahl (16:69) yang menekankan penggunaan bunga-bunga dan buah-buahan sebagai sumber penawar, menggambarkan hubungan erat antara alam semula jadi dengan perubatan:

Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.

Pengaruh Arab dalam perubatan Melayu tidak hanya terbatas pada bahan tumbuh-tumbuhan sahaja tetapi juga melibatkan pengaruh budaya dan kerohanian. Praktikal keagamaan seperti doa dan penggunaan mantera untuk tujuan penyembuhan serta perlindungan daripada penyakit mencerminkan aspek keagamaan dalam budaya Arab yang diasimilasikan dalam perubatan Melayu berasaskan prinsip perubatan daripada budaya Arab seperti berbekam dan *ruqyah*. Selain itu, penggunaan kuasa ghaib dan metafizik dalam penyembuhan, yang diakui dalam budaya Melayu, sejajar dengan pandangan Roff (1974) yang menyatakan bahawa elemen ini tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh Arab. Perkara ini menegaskan pentingnya aspek keagamaan terutamanya agama Islam sebagai unsur utama dalam praktikal perubatan Melayu.

Dalam era globalisasi dan transformasi dunia perubatan moden, perubatan tradisional Melayu yang dipengaruhi oleh tradisi Arab terus menjadi amalan secara meluas dalam masyarakat Melayu pada hari ini meskipun menghadapi cabaran tertentu dalam proses perubatan tersebut. Pengaruh budaya Arab dalam perubatan Melayu bukan sekadar warisan silam tetapi merupakan elemen dinamik dalam kebudayaan masyarakat Melayu. Amalan perubatan tradisional Melayu yang diwarisi daripada tradisi Arab tidak hanya menyumbang kepada sejarah perubatan tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan kepercayaan masyarakat Melayu. Keberkesanan dan keupayaan warisan perubatan

tradisional ini menjadi bukti jelas akan peralihan intelektual yang merentasi batas sejarah dan geografi antara wilayah Timur Tengah dengan Nusantara.

Penerapan pengaruh Arab dalam perubatan Melayu membawa implikasi positif yang dapat dijadikan landasan untuk pembangunan dan penambahbaikan perubatan tradisional pada masa depan. Dengan memahami dan menghargai pengaruh Arab, masyarakat Melayu dapat menjana idea baharu yang berkesan dalam mengembangkan dan mengekalkan warisan perubatan. Hal ini mencerminkan fleksibiliti perubatan tradisional Melayu untuk terus berubah mengikut keadaan semasa sambil mengekalkan nilai-nilai kearifan lokal bersandarkan syariah Islam dan kepercayaan tradisi Melayu. Melalui pendekatan ini, perubatan tradisional akan terus relevan dan sesuai diaplikasikan untuk menangani masalah kesihatan masyarakat. Kesediaan untuk berinovasi dan penyesuaian dengan perkembangan zaman menunjukkan kelangsungan dan kemampuan perubatan Melayu untuk memberikan manfaat kepada masyarakat sekali gus menjadi sumber inspirasi untuk menjalankan penyelidikan lanjutan.

## **KAJIAN LEPAS**

Penulisan Mohamad Fitri Mohamad Yusoff & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) menyorot beberapa aspek yang mencakupi bahasa, agama, adat istiadat dan seni budaya Melayu yang memberikan gambaran holistik mengenai integrasi budaya Arab dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Mereka menyatakan bahawa bahasa Arab memberikan sumbangan yang signifikan melalui kata serapan dan istilah agama Islam dan memperkaya kosa kata dalam bahasa Melayu. Dengan adanya serapan ini, bahasa Melayu tidak hanya menjadi sarana komunikasi tetapi juga mencerminkan kekayaan nilai dan konsep daripada budaya Arab. Makalah ini juga membahaskan secara rinci tentang pelaksanaan ibadah haji, puasa dan kisah-kisah daripada al-Quran yang menjadi sebahagian daripada kehidupan keagamaan masyarakat Melayu. Perkara ini menunjukkan eratnya hubungan antara kebudayaan Arab dengan agama Islam yang menjadi identiti budaya masyarakat Melayu.

Selain itu, melalui hasil tulisan yang digarap oleh Mohd Roslan Mohd Nor (2018), terlihat dengan jelas signifikan pengaruh Arab dalam membentuk kebudayaan Melayu. Pengaruh ini meresap dalam berbagai-bagai aspek seperti kosa kata, seni, seni bina, tatacara sosial dan nilai keagamaan. Pengaruh Arab tidak hanya memperkaya elemen ini tetapi juga

memberi sumbangan kepada pembentukan jati diri budaya Melayu yang unik. Penulisan ini turut menekankan pentingnya sikap terbuka terhadap pengaruh budaya daripada pelbagai latar belakang termasuklah budaya Arab sebagai saranan untuk memperkaya dan memperluas warisan budaya Melayu. Penglibatan masyarakat dalam menjaga, mengembangkan dan menyebarkan warisan budaya Melayu termasuklah pengaruh Arab dianggap sebagai langkah penting agar warisan tersebut dapat diteruskan. Sementara itu, kajian Muhammad Remy Othman et al. (2023) membahaskan evolusi perkembangan perubatan Islam, bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW. Kajian ini memberikan impak yang signifikan terhadap kaedah rawatan dalam peradaban Melayu serta mempengaruhi masyarakat Malaysia yang hidup dalam kepelbagaian bangsa dan agama. Dalam penulisan mereka, pengkaji menekankan keperluan kajian yang berterusan dan menyeluruh terhadap pengetahuan perubatan Islam dan warisan Melayu.

Secara keseluruhannya, penulisan sarjana lepas memberikan pandangan yang mendalam dan komprehensif mengenai budaya Arab yang terjalin secara harmoni dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia dan memberikan sumbangan dalam memahami dinamisme interaksi budaya di rantau ini. Walau bagaimanapun, apabila diteliti, penulisan sarjana tersebut cenderung membincangkan tentang pengaruh Arab dari aspek bahasa dan kesenian, dan juga evolusi perubatan Islam serta pengaruhnya terhadap kehidupan masyarakat Melayu. Dalam manuskrip perubatan Melayu salah satu perkara penting yang perlu diperhatikan ialah amalan perubatan tradisional yang mempunyai pengaruh dan pengaruh Arab. Hal ini ada kaitannya dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu yang membawa perubahan signifikan dalam amalan perubatan dan pergantungan kepada Allah SWT semata-mata. Sebelumnya, praktikal perubatan Melayu adalah bersandarkan kepada bantuan jin atau elemen ghaib yang tidak rasional. Dalam hal ini, adalah penting untuk mengetengahkan elemen pengaruh Arab dalam manuskrip perubatan Melayu agar masyarakat dapat memahami dengan lebih mendalam interaksi yang berlaku dalam praktikal perubatan tradisional Melayu. Oleh itu, penulisan ini mengenal pasti dan menganalisis penerapan pengaruh Arab dalam manuskrip perubatan tradisional Melayu sebagai suatu dinamisme interaksi budaya. Bagi melancarkan penulisan ini, kaedah kajian yang digunakan merangkumi kaedah kepustakaan dan analisis kandungan.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kaedah kepustakaan, fokus pembacaan diarahkan kepada jurnal, tesis dan sumber ilmiah dalam talian untuk menyelidik kajian terdahulu dan mengenal pasti permasalahan kajian yang relevan. Terdapat empat langkah utama dalam tatacara kajian ini, iaitu pemilihan, pengumpulan, analisis dan rumusan data. Pada peringkat pemilihan data, tumpuan diberikan pada bahan-bahan yang berkaitan dengan perubatan tradisional dalam manuskrip perubatan Melayu. Proses pengumpulan data pula melibatkan penyelidikan terhadap bahan yang sesuai dengan objektif kajian dan setiap maklumat yang relevan akan dicatatkan. Pada peringkat analisis data, maklumat yang berkaitan dengan topik kajian akan dihuraikan dan dianalisis. Kaedah analisis kandungan yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis tematik. Analisis tematik merupakan suatu pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mengenal pasti tema utama dalam teks.

Analisis tematik dalam penulisan ini membantu mengenal pasti dan memahami unsur-unsur budaya Arab yang diasimilasikan dalam amalan perubatan tradisional Melayu. Proses ini melibatkan pengenalan tema budaya Arab, pembinaan kategori asimilasi, pencarian hubungan antara kategori dengan pengumpulan maklumat utama mengenai asimilasi budaya Arab dan rumusan penemuan yang berkaitan dengan perubatan Melayu. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah analisis tematik sebagai teknik analisis, setiap unsur dalam teks akan diteroka dan dikenal pasti. Pendekatan ini membolehkan maklumat difahami dan diinterpretasi dengan lebih terperinci dalam konteks kajian perubatan tradisional Melayu.

Dalam penulisan ini, beberapa buah manuskrip perubatan tradisional telah dipilih sebagai bahan perbincangan. Antaranya, MSS 1292 Kitab Tib, MSS 2515 Kitab Tib, MSS 489 Kitab Tib, MSS 2219 Kitab Tib dari Koleksi Perpustakaan Negara, dan Cod. Or. 1714 Kitab Tib dari Koleksi Universiti Leiden. Manuskrip ini mengandungi pelbagai maklumat mengenai amalan perubatan, diagnosis penyakit, kaedah rawatan yang menggunakan bahan-bahan flora, doa, ritual dan petua. Manuskrip perubatan ini merupakan warisan keintelektualan berharga yang mencakupi aspek holistik dalam menjaga kesejahteraan kehidupan manusia. Bahan manuskrip ini tidak hanya melibatkan sudut pandang perubatan semata-mata tetapi juga menyentuh aspek kerohanian dan psikologi.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam analisis dan perbincangan, terdapat tiga perkara utama yang diberikan perhatian, iaitu:

- (a) Penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu.
- (b) Pemilihan waktu.
- (c) Penggunaan ayat al-Qur'an.

### Penggunaan Huruf Jawi Arab-Melayu

Bahasa merupakan satu sistem komunikasi untuk berinteraksi dalam masyarakat, baik secara lisan mahupun tulisan. Menurut Dardjowidjojo (2007), bahasa menjadi medium komunikasi yang mencerminkan budaya dalam sesebuah komuniti. Tulisan Jawi yang berkembang pesat di Tanah Melayu sejak kedatangan Islam pada abad ke-13 telah memberikan dimensi baharu buat bahasa Melayu. Dalam konteks perubatan Melayu, penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu memainkan peranan penting dalam menghubungkan ayat atau doa yang berkaitan dengan perubatan Melayu. Penggunaan Jawi Arab-Melayu memberikan dimensi keagamaan dan tradisional yang mendalam, serta menunjukkan kesinambungan dengan warisan budaya dan ilmu perubatan tradisional Melayu yang berakar pada nilai-nilai Islam. Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2005) menegaskan bahawa penggunaan tulisan Jawi ini menandakan pencapaian bahasa Melayu klasik dengan penerimaan fonem, kosa kata dan sistem ejaan Arab.

Arba'iyah Mohd Noor (2011) mengungkapkan bahawa huruf Arab telah disesuaikan dan digabungkan untuk membentuk huruf Arab-Melayu yang juga dikenali sebagai huruf Melayu Jawi. Hashim Musa (1997) menyoroti dampak besar huruf Jawi Arab-Melayu terhadap skrip Arab yang bertransformasi menjadi skrip Jawi untuk mengeja bahasa Melayu. Shellabear (1901) menyatakan bahawa sistem tulisan Jawi diterima oleh orang Melayu secara langsung daripada orang Arab yang pertama kali menggunakan sistem tulisan Arab untuk bahasa Melayu. Persamaan abjad dalam kedua-dua bahasa ini membuktikan hubungan langsung antara ulama Arab dengan pengajaran bahasa Melayu. Tokoh bahasa Melayu seperti Raja Ali Haji dan karyanya *Busan al-Kitab* menjadi rujukan penting bagi penelitian bahasa Melayu.

Penggunaan Jawi Arab-Melayu dalam perubatan Melayu menimbulkan dimensi keagamaan dan tradisional yang mendalam dan mencipta sebuah



hubungan erat dengan warisan budaya dan ilmu perubatan tradisional Melayu yang mengakar pada nilai-nilai Islam. Penggabungan aksara Jawi dengan konteks perubatan membawa implikasi yang lebih luas, seiring dengan keupayaan untuk memahami dan memelihara tradisi perubatan Melayu. Dalam konteks ini, penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu tercermin dalam meraksi penyakit dan penggunaan *wafaq*.

### **Meraksi Penyakit**

Meraksi penyakit dengan menggunakan tulisan Jawi Arab-Melayu menjadi satu aspek unik dalam praktikal perubatan Melayu. Tulisan tersebut mengandungi simbol dan makna tersirat yang memberikan dimensi mendalam kepada pemahaman masyarakat Melayu terhadap penyakit dan rawatan. Penggunaan angka dan huruf dalam meraksi penyakit mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam memanfaatkan sumber daya yang tersedia. Masyarakat Melayu menggunakan tulisan ini sebagai panduan untuk memahami dan mengatasi masalah kesihatan dengan menggunakan pengetahuan yang diwariskan secara turun-temurun.

Dalam konteks perubatan moden, meraksi penyakit adalah sejajar dengan proses diagnosis untuk menentukan jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Proses diagnosis ini sangat penting sebelum rawatan diberikan. Keutamaan meraksi penyakit dalam perubatan Melayu tradisional seperti yang dinyatakan oleh Suherman (Parta Ibeng, 2018), termasuklah mengenal pasti kelemahan badan, gejala penyakit, membuat pertimbangan dalam mengendalikan penyakit dan mencegah wabak penyakit.

Dalam manuskrip MSS 2515, huruf Jawi Arab-Melayu digunakan untuk meraksi penyakit dengan menetapkan jumlah tertentu pada setiap huruf. Penggunaan ilmu huruf merupakan kaedah penting dalam perubatan Melayu tradisional. Menurut Awang Sariyan (2005), ilmu huruf diakui sebagai suatu kaedah yang sangat penting dalam perubatan Melayu tradisional dan masih diamalkan oleh masyarakat Melayu hingga hari ini. Ilmu huruf ini merupakan satu kaedah dalam perubatan tradisional Melayu yang melibatkan pengiraan huruf-huruf yang terkandung dalam nama seseorang untuk menentukan pendekatan perubatan yang sesuai dengan keperluan individu tersebut. Dengan menggunakan ilmu huruf, pengamal perubatan tradisional mampu menentukan kaedah penyembuhan yang disesuaikan dengan nilai-nilai dan kepercayaan tradisional Melayu.

Huruf-huruf dan kiraan pada setiap huruf adalah seperti yang berikut:

Bab yang pertama, jikalau seseorang datang kepada kita mintak ubat sebarang penyakit atau ia bertanyakan sebarang hal ehwal penyakit itu kepada kita, maka hendaklah kita lihat kepada huruf angka abjad itu, pada masa itu; inilah rupanya:

1 أ	2 ب	4 ت	5 ث	3 ج	8 ح	6 خ	4 د	7 ذ	2 ر	8 ز	6 س
3 ش	9 ص	8 ض	9 ط	9 ظ	7 ع	1 غ	8 ف	1 ق	2 ك	3 ل	4 م
5 ن	6 و	5 هـ	3 لا	1 ء	1 ي	2 چ	3 ض	4 غ	5 ث	2 ذ	8 ي

**Rajah 1** Ilustrasi rajah Huruf Jawi Arab-Melayu untuk meraksi penyakit manuskrip MSS 2515.


Berdasarkan doktrin Melayu, pengiraan huruf pada nama pesakit dan kaedah perubatan yang digunakan haruslah mencapai keseimbangan antara elemen panas dengan sejuk dalam tubuh seseorang dalam menentukan jenis kaedah perubatan yang sesuai. Apabila keseimbangan ini tercapai, pesakit akan pulih daripada penyakit fizikal dan mental yang menunjukkan bahawa keselarasan antara elemen panas dengan sejuk dalam tubuh dapat membawa kepada penyembuhan yang optimum. Proses ini memerlukan pemilihan kaedah perubatan yang sesuai, termasuk penggunaan ramuan ubat, amalan doa atau zikir khusus, berdasarkan jumlah huruf yang dihasilkan.

Penggunaan tulisan Jawi Arab-Melayu dalam meraksi penyakit membawa manfaat signifikan dalam praktikal perubatan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara tersebut bukan hanya memberikan pemahaman mendalam terhadap penyakit dan rawatan melalui simbol dan pemaknaan tersirat tetapi juga menjadi sebahagian daripada warisan budaya dan pengetahuan tradisional Melayu. Aktiviti meraksi penyakit sejajar dengan proses diagnosis tradisional dapat membantu mengenal pasti kelemahan badan, gejala penyakit dan pertimbangan sebelum memberikan rawatan. Konsep keseimbangan antara elemen panas dengan sejuk dalam tubuh yang tergambar dalam tulisan Jawi Arab-Melayu menjadi kunci dalam menentukan jenis kaedah perubatan yang sesuai. Ilmu huruf juga digunakan sebagai kaedah pengiraan untuk menentukan pendekatan perubatan berdasarkan nama individu. Keutamaan meraksi penyakit juga mencakup upaya proaktif untuk mencegah wabak penyakit.

## Penggunaan Wafaq

Penggunaan wafaq sebagai salah satu aspek interaksi budaya Arab dalam perubatan Melayu melibatkan penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu. Wafaq, seperti yang dinyatakan oleh Abdul Razak Abdul Karim (2003), merujuk penggunaan huruf atau angka dalam tulisan Arab yang dipercayai membawa perlindungan atau memiliki makna tertentu, bergantung kepada jenis wafaq yang digunakan. Praktikal ini mencerminkan perpaduan antara tradisi Arab dengan Melayu dalam konteks perubatan, di mana huruf-huruf atau angka-angka tertentu dianggap memiliki kekuatan kerohanian.

Dalam konteks perubatan Melayu, wafaq boleh dikenali melalui simbol, rajah atau nombor yang dianggap mempunyai maksud tertentu seperti pengasih, kekuatan atau kebatinan. Amalan ini mencerminkan kepercayaan terhadap kekuatan simbolik dan spiritual yang terkandung dalam aksara Jawi Arab-Melayu. Sebagai contoh, dalam perubatan tradisional, seorang pengamal perubatan Melayu berkemungkinan menggunakan wafaq dalam bentuk huruf atau angka tertentu untuk meningkatkan keberkesanan rawatan atau memberikan perlindungan kepada pesakit. Symbolisme wafaq ini boleh merangkumi pelbagai bentuk, seperti rajah dengan makna tertentu, gambar yang memiliki nilai keagamaan atau penggunaan nombor khusus yang diyakini membawa keberkatan. Amalan ini membentuk suatu hubungan antara aspek keagamaan dengan budaya dalam perubatan Melayu yang mencerminkan warisan yang kaya dan kompleks.



**Rajah 2** Contoh wafaq MSS 489.

Wafaq penggunaan kalimat “Ya Allah”

Sumber: Harun Mat Piah (2019)

Penggunaan wafaq dalam perubatan Melayu mencerminkan lebih dari sekadar interaksi budaya Arab kerana perkara tersebut melibatkan makna tersirat yang berkaitan dengan ayat al-Quran dan doa. Imam Ibnu Hajar al-Haitami (wafat tahun 974 H/1566 M) menyatakan bahawa ilmu wafaq berasaskan penyesuaian bilangan dalam bentuk khusus sementara

Muhammad Abdul Salam (1971) menganggap ilmu ini sangat bermanfaat dalam mencapai hajat, melindungi diri daripada musibah dan mempermudah proses bersalin. Selain itu, perlu diingat bahawa terdapat beberapa konsep wafaq yang merujuk gambar atau potongan kalimat tertentu yang diyakini memiliki kuasa ghaib seperti iblis, jin dan syaitan yang sering dijadikan sebagai azimat atau tangkal untuk menyembuhkan penyakit. Jenis wafaq ini mencerminkan pengaruh kepercayaan animisme dan adat serta budaya tempatan dalam perubatan Melayu.

Penggunaan wafaq dalam perubatan Melayu juga merangkumi dimensi spiritual dan keyakinan tertentu yang dipercayai dapat membantu penyembuhan jiwa, melindungi daripada gangguan jin dan syaitan, menarik keberkatan dan kebahagiaan serta memperkuat keimanan dan keberanian. Metodanya melibatkan pembacaan doa atau ayat suci, lukisan atau penulisan huruf tertentu, pembakaran kemenyan atau minyak wangi atau cara lain yang diyakini dapat memperkuat kekuatan spiritual. Meskipun demikian, penggunaan wafaq tidak selalu diterima oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya mereka yang lebih mendukung perubatan moden. Kontroversi mengenai keberkesanan penggunaan wafaq dalam penyembuhan penyakit telah menjadi sumber perbincangan dalam masyarakat. Hal ini menjadi hak setiap individu untuk memilih kaedah perubatan sesuai dengan keyakinan masing-masing.

Oleh hal yang demikian, penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu dalam penggunaan wafaq tidak hanya berfungsi untuk mendiagnosis penyakit semata-mata tetapi juga mencerminkan inovasi masyarakat Melayu sebagai suatu interaksi budaya Arab dalam perubatan mereka. Inisiatif ini memberikan dorongan kepada masyarakat Melayu untuk meningkatkan pemahaman tentang cara mengenali dan mengubati penyakit. Secara tidak langsung, perubahan ini dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

### **Pemilihan Waktu Perubatan**

Pemilihan waktu untuk perubatan dalam masyarakat Melayu mencerminkan interaksi budaya Arab, di mana penekanan diberikan kepada pemahaman waktu yang berkaitan dengan jenis penyakit yang dihadapi. Manuskrip perubatan Melayu sering mencatatkan cadangan waktu-waktu tertentu untuk menjalani proses pengubatan, yang sering kali berpusat pada waktu solat dan kedudukan matahari. Menurut Harun Mat Piah (2019), waktu yang sering dicadangkan dalam perubatan Melayu adalah sebelum subuh,

selepas sembahyang zuhur, selepas waktu asar dan sebelum maghrib. Pemilihan waktu ini tidak hanya berdasarkan pertimbangan waktu solat tetapi juga pada pemerhatian dan pengalaman tukang ubat semasa merawat pesakit. Paradigma Melayu yang menekankan keseimbangan dan keterikatan dengan alam juga menjadi faktor penting dalam pemilihan waktu.

Dalam manuskrip MSS 2515, waktu perubatan tertakluk pada hari dalam seminggu dan juga kedudukan atau dipanggil saat planet (Bintang Tujuh) seperti Musytari, Marikh dan Zuhrah serta kedudukan dan cahaya matahari yang berpandukan tapak bayang-bayang bagi menyesuaikan waktu subuh, waktu zuhur dan waktu maghrib. Hal ini berkaitan dengan pemilihan waktu yang bergantung pada kedudukan dan cahaya matahari dengan merujuk tapak bayang-bayang untuk menyesuaikan waktu subuh, waktu zuhur dan waktu maghrib. Contoh petikan dari manuskrip MSS 2515 ini memberikan pandangan tentang hubungan antara waktu dengan perubatan:

Bab yang ketiga, pada hari Selasa, pagi-pagi pada saat Marikh iaitu delapan puluh tapak bayang-bayang, pagi dan pada saat Syamsu iaitu empat puluh tapak bayang-bayang, pagi dan pada saat Zahrah iaitu dua puluh tapak bayang-bayang, pagi dan pada saat Atarad, iaitu sepuluh tapak bayang-bayang dan pada saat Qamar iaitu lima tapak bayang-bayang, pagi dan pada saat Musytari, iaitu tiga tapak bayang-bayang, petang dan pada saat Zahrah, iaitu dua puluh tapak bayang-bayang, petang. Maka dalam saat yang tersebut itu, semuanya baik berubat atau mengubati orang pun baik.

Selain mengikuti kitaran pergerakan matahari dan cakerawala, pengaruh budaya Arab dalam perubatan Melayu turut terlihat melalui kaedah rawatan tertentu yang menitikberatkan penggunaan bahan-bahan perubatan pada anggota badan pada waktu yang tertentu. Satu praktikal yang dikenal pasti ialah amalan meminum atau meletakkan bahan-bahan perubatan pada anggota badan pada pukul tiga pagi yang merujuk masa sepertiga malam antara tengah malam dengan fajar. Amalan ini lazimnya dilakukan sekitar pukul dua hingga tiga pagi.

Dalam konteks masyarakat Melayu Islam, waktu ini dianggap sebagai masa yang sangat baik untuk menjalani ibadah dan juga mengamalkan perubatan tradisional. Sebagai contoh, untuk memperkasa wati atau meningkatkan daya ketahanan tubuh wanita, kaedah rawatan tertentu

dapat dilakukan pada waktu ini. Praktikal ini mencerminkan pemahaman mendalam mengenai konsep waktu dalam Islam dan waktu-waktu tertentu yang dianggap kaya dengan keberkatan dan kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah perubatan. Contohnya petikan manuskrip MSS 2219:

Ambil lempung padi dan buah pala sebiji dan lada sulah. Rendam semua bahan, giling dengan sunti halia merah dan damar batu. Dicampurkan dengan tepung pulut hitam. Kemudian dibubuh halia mentah sedikit dan air limau nipis. Mesrakannya dan gentel sebesar telur burung. Bancuh air hangat. Minum tiga pagi.

Selain dari memperkasa wati, seseorang pesakit yang mengalami sakit senggugut juga disarankan untuk meminum bahan ubat yang disediakan pada pukul tiga pagi menurut manuskrip MSS 1292:

Ambil daun ati-ati yang hitam/ merah segenggam erat, ramas ambil airnya, bubuh garam tiga buku dan minum tiga pagi.

Pemilihan waktu pada pukul tiga pagi dalam perubatan tradisional dianggap sebagai waktu yang memberikan kekuatan kerohanian kepada pesakit. Waktu tersebut dipercayai sebagai saat yang tenang dan dapat membantu pesakit fokus dengan kaedah rawatan yang dilakukan secara bersendirian. Hal ini berpadanan dengan sabda Rasulullah S.A.W. dari Riwayat al-Bukhari 5846 yang bermaksud:

Dari Abu Hurairah r.a:

“Setiap malam turun ke langit dunia ketika sepertiga malam terakhir, lalu Dia berfirman; Siapa yang berdoa kepada-Ku, nescaya Aku akan mengabulkan, siapa yang meminta sesuatu kepada-Ku, nescaya Aku akan memberinya, dan siapa yang meminta ampun kepada-Ku, nescaya Aku akan mengampuninya.”

Interaksi budaya Arab dalam perubatan masyarakat Melayu juga menunjukkan pengaruh yang mendalam dalam pemilihan waktu dan amalan rawatan tradisional. Pemilihan waktu yang tepat menjadi aspek penting dalam merawat penyakit menurut tradisi perubatan Melayu, bersumberkan pengamatan pada kedudukan matahari. Waktu-waktu tertentu seperti sebelum subuh, selepas sembahyang zuhur, selepas waktu asar dan sebelum maghrib dianggap sesuai untuk pelaksanaan rawatan.

Pengetahuan mengenai waktu juga berkaitan dengan pengetahuan astronomi dan astrologi, di mana pemilihan waktu turut dipengaruhi oleh pergerakan planet. Konsep ini tercermin dalam penggunaan waktu tertentu, seperti saat Marikh, Musytari dan planet lainnya.

### **Penggunaan Ayat al-Quran**

Dalam merawat penyakit, perubatan Melayu tradisional menggunakan konsep unik untuk menganalisis ketidakseimbangan tubuh badan dan memanfaatkan ramuan semula jadi sebagai bahan penyembuhan. Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Nurul Wahidah Fauzi (2012) menyatakan bahawa perubatan Melayu tradisional merupakan suatu himpunan amalan atau metode perubatan yang bertujuan untuk menjaga kesihatan, mengatasi penyakit serta memulihkan kesihatan pada waktu tertentu. Pengamal perubatan Melayu seperti bomoh, pawang dan dukun mempunyai keahlian dan kebijaksanaan yang berbeza, bergantung pada pengalaman dan ilmu yang dimiliki. Harun Mat Piah (2015) menjelaskan bahawa kaedah rawatan yang digunakan dalam perubatan Melayu bertujuan untuk mengekalkan kesihatan dan nilainya yang berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat. Dalam amalan perubatan Melayu, terdapat jargon khusus dan pantang larang yang harus diperhatikan oleh pesakit dan pengamal perubatan. Amalan ini membantu untuk menjaga kesihatan tubuh dan mencegah penyakit.

Perubatan Melayu juga dikenali dengan penggunaan ayat al-Quran dalam praktikal perubatan tradisional. Penggunaan ayat al-Quran dalam perubatan Melayu mencerminkan aspek budaya Arab yang telah terasimilasi secara mendalam. Pengamal perubatan Melayu percaya bahawa ayat suci al-Quran mempunyai kekuatan penyembuhan dan perlindungan. Ayat tertentu dibacakan atau ditulis pada objek untuk perubatan atau air minuman yang diberikan kepada pesakit. Perbuatan tersebut dipercayai dapat memberikan keberkatan dan pemulihan kepada pesakit dengan izin Allah. Dengan menggabungkan elemen budaya Arab, nilai-nilai Islam dan tradisi Melayu; perubatan Melayu menunjukkan keselarasan dan integrasi yang unik dalam merawat dan memelihara kesihatan. Hal ini mencerminkan warisan budaya yang kaya dan kompleks dalam masyarakat Melayu.

Dalam masyarakat Melayu, kepercayaan dan pergantungan kepada bomoh, dukun atau pawang adalah sangat tinggi. Wilkinson, seperti yang

dinyatakan oleh Zubaidah Sidek (1994), menggambarkan kedudukan bomoh dalam masyarakat Melayu, khususnya di negeri Perak, dengan menyatakan:

Kewujudan seorang bomoh dalam masyarakat Melayu adalah sangat penting dan dihormati. Mereka memegang peranan sebagai pengamal perubatan tradisional dan sering kali dianggap sebagai perantara antara dunia rohaniah dan jasmaniah. Keterampilan mereka dalam mengubati penyakit, meramal, dan melakukan upacara keagamaan menjadikan mereka figura yang dihormati dan dicari oleh masyarakat setempat. Bomoh dilihat sebagai penjaga tradisi, pemegang ilmu warisan nenek moyang serta orang yang memiliki kekuatan spiritual untuk membantu individu atau masyarakat dalam menghadapi cabaran hidup.

Menurut Haliza Mohd Riji (2000), bomoh merupakan individu yang memiliki kemampuan untuk mengubati penyakit, sementara pawang merupakan seseorang yang menggunakan unsur magis dalam proses penyembuhan. Kemahiran mistik yang dimiliki oleh bomoh menjadikannya dihormati dalam komuniti kampung dan dianggap sebagai penawar penyakit dan penunjuk cara untuk mengelakkan gangguan mistik dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, warisan ilmu perubatan ini tidak dapat dimiliki oleh semua orang dan hanya individu yang layak sahaja yang dapat menerima warisan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional mempunyai kepercayaan terhadap kemampuan mistik bomoh dan pawang yang menyumbang kepada dimensi sosial dan budaya.

Setelah kedatangan Islam, kepelbagaian penyakit yang dialami oleh individu tidak hanya bergantung pada bahan tradisional tetapi juga melibatkan penggunaan ayat al-Quran, jampi atau mantera serta pembuatan azimat atau tangkal berdasarkan kepercayaan masyarakat Melayu dalam merawat penyakit tertentu. Walaupun unsur animisme, adat dan budaya sebelumnya masih diadun bersama-sama, namun bacaan ayat al-Quran daripada pengaruh Arab telah diserap ke dalam perubatan Melayu. Hal ini menunjukkan amalan perubatan Melayu mengalami transformasi melalui adaptasi nilai Islam dalam kehidupan sosial masyarakat. Contohnya, penggunaan ayat al-Quran menjadi sebahagian daripada mantera atau doa dalam perubatan tradisional Melayu. Pengamal perubatan akan membimbing pesakit dalam menyampaikan doa tersebut sebagai suatu amalan (Asmiaty Abdul Samad & Fadila Azni Ahmad, 2018).

Pengamal perubatan sering menggunakan mantera atau jampi untuk meningkatkan keberkesanan ubat dan memberi semangat kepada



pesakit. Mantera ini sering kali melibatkan rangkaian perkataan yang dipercayai dapat memohon pertolongan daripada entiti tertentu dan sering kali mencantumkan nama Allah dan Nabi Muhammad S.A.W. Untuk menambah keberkesannya, mantera atau jampi dimulai dengan perkataan "Bismillah hir rahmanir rahim" dan diakhiri dengan perkataan "La ilaha ila Allah, Muhammadur Rasulullah". Terdapat juga sebutan salam, nama-nama Allah berserta sifat-sifat-Nya, nama-nama nabi dan rasul serta nama panglima Islam atau entiti lain yang menunjukkan pengaruh Arab-Islam. Walau bagaimanapun, terdapat juga unsur animisme dan kepercayaan tradisional yang sukar untuk dijelaskan maksudnya yang turut dimasukkan dalam beberapa bacaan mantera.

Dalam perubatan Arab, praktikal penggunaan ayat al-Quran dalam bentuk jampi dikenali sebagai ruqyah. Menurut Nurdeng Deuraseh dan Hayati Lateh (2011), masyarakat Melayu sering mengamalkan beberapa ruqyah atau jampi sebagai cara untuk mengelakkan gangguan syaitan dan jin. Antara ayat al-Quran yang kerap digunakan dalam ruqyah termasuklah Ayatul Kursi, yang sering diamalkan sebelum tidur untuk melindungi diri semasa tidur. Selain Ayatul Kursi, surah al-Fatihah juga merupakan ruqyah yang sering digunakan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit dan meningkatkan kecerdasan fikiran. Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, surah *Yaasin*, surah *al-Falak*, surah *al-Ikhlash* dan zikir-zikir tertentu juga diamalkan untuk tujuan yang sama, iaitu menyembuhkan penyakit dan melindungi dari gangguan jin dan syaitan. Sebagai contoh dalam manuskrip MSS 2515 (Penawar bagi yang terkena sebarang penyakit akibat gangguan jin):

*Bismillah ir-Rahman ir-Rahim*  
*Seri alam berma alam*  
*Seri andaman berma andam*  
*Seri andam berma sakti*  
*Aku tahu akan asalmu*  
*Anak raja Senu*  
*Kirim inilah penawarnya*  
*Sulur medan bakar*  
*Keluarnya daripada bukit Gunung Seguntang*  
*Dengan berkat kata*  
*Lailaha illallah*  
*Bukannya dengan kataku*  
*Dengan kata Allah.*

Mantera atau jampi lain yang bercampur dengan pengaruh Arab ialah rawatan kepada masalah patah tulang dan tergeliat urat saraf. Contohnya adalah seperti dalam Cod. Or. 1714:

*Inilah mantera patah batu hubung batu, (patah) urat {putus} hubung urat, (patah tulang hubung tulang) {yang tulang hubung}, patah sendi hubung sendi, siap rapat maha rapat, dengan berkat Lailaha ilallah Muhammada Rasulullah...Hong sam sam, {berhubung samsam} bertemu urat (dengan daging) (bertemu urat dengan) sendi {tupat} (tumbuh tempat) pulang {puk} (pulih) seperti {doa dat dahulukala} (adat sediakala dengan) berkat (kalimah) Lailaha ila Allah Muhammad Rasulullah.*

MSS 2515: Mantera bantut demam kepialu, dibacakan kepada ubat-ubatnya; inilah manteranya:

*Hang alu-alu  
Hal jalanku lalu  
Bukan sidi kepialu  
Sidi jampi manteraku  
Berkat Lailaha illallah  
Muhammad Rasulullah*

Interaksi budaya Arab ini sejajar dengan praktik dan kepercayaan masyarakat Melayu dalam bidang perubatan. Walau bagaimanapun, sebagai umat Islam, kita perlu memahami batasan dan tidak menjadikan mantera sebagai pengganti amalan yang lebih utama dalam Islam seperti solat, membaca al-Quran dan berzikir. Sumber kekuatan sejati adalah daripada Allah dan penggunaan ayat al-Quran dalam perubatan hendaklah dilakukan dengan niat yang murni untuk mencari kesembuhan dengan izin-Nya. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Isra (17:82):

*Maksud: Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, sedangkan al-Quran itu tidak menambah kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian.*

## KESIMPULAN

Dalam konteks interaksi budaya Arab dalam perubatan Melayu, penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu menjadi suatu dimensi yang kaya dan pelbagai. Dapatan ini mencerminkan perpaduan antara nilai-nilai

Islam, tradisi Melayu dengan ilmu perubatan tradisional. Huruf Jawi Arab-Melayu tidak hanya berfungsi sebagai medium tulisan, tetapi juga menjadi penghubung antara perubatan Melayu dengan warisan budaya dan nilai-nilai Islam. Selain itu, penggunaan huruf Jawi Arab-Melayu dalam meraksi penyakit dan penggunaan wafaq mencerminkan perpaduan antara tradisi Arab dengan Melayu dalam konteks perubatan. Ilmu huruf menjadi kaedah penting dalam perubatan Melayu tradisional yang memungkinkan pengamal perubatan menentukan kaedah penyembuhan yang sesuai dengan nilai-nilai dan kepercayaan tradisional Melayu.

Pemilihan waktu perubatan seperti penggunaan waktu tertentu dalam praktikal perubatan Melayu menunjukkan interaksi budaya Arab dalam pemahaman waktu yang berkaitan dengan jenis penyakit. Pemilihan waktu ini juga mencerminkan paradigma Melayu yang menekankan keseimbangan dan keterikatan dengan alam. Sementara itu, penggunaan ayat al-Quran dalam perubatan Melayu tradisional menunjukkan integrasi nilai-nilai Islam dalam amalan perubatan. Perubatan Melayu tidak hanya bergantung pada bahan tradisional tetapi juga memanfaatkan kekuatan penyembuhan dan perlindungan daripada ayat suci al-Quran. Sungguhpun demikian, sebagai umat Islam, adalah penting untuk memahami batasan dan menjadikan prinsip Islam sebagai pedoman utama dalam merawat penyakit. Perubatan Melayu tradisional haruslah dihayati dengan penuh keimanan yang mendasarinya dan kelangsungannya dengan warisan budaya tempatan. Seiring dengan perkembangan zaman, pemahaman dan penghayatan terhadap interaksi budaya Arab dalam perubatan Melayu perlu terus dipelihara dan diselaraskan dengan nilai Islam yang autentik.

Dalam penyelidikan mengenai pengaruh Arab dalam manuskrip perubatan tradisional Melayu, perbandingan dengan budaya lain dan penerapan pendekatan baru memberikan dimensi yang lebih kaya dan terperinci. Kajian ini membuka wawasan baharu terhadap cara asimilasi pengaruh Arab dalam mempengaruhi unsur-unsur tertentu dalam perubatan tradisional Melayu sehingga memperkaya pandangan mengenai identiti budaya tersebut. Oleh itu, berdasarkan perbincangan terhadap dinamisme interaksi budaya Arab dalam penerapan pengaruh Arab dalam manuskrip perubatan tradisional Melayu, kajian lanjutan adalah perlu dengan memfokuskan aspek perbandingan bidang, kajian linguistik, nilai-nilai Islam dan lain-lain agar kajian terhadap manuskrip perubatan Melayu akan terus berkembang dan sentiasa relevan sepanjang zaman.

## PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dan Universiti Putra Malaysia atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

## PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

## PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## RUJUKAN

- ‘Arba’iyah Mohd Noor. (2011). Menyorot kepengarangan Misa Melayu. Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd Radzi Hj. Ahmad (Pnyt.). *Perak: Warisan, budaya & sejarah*. 220–244. Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2005). *Sejarah bahasa Melayu*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Razak Abdul Karim. (2003, 23-24 Ogos). Kitab perubatan Mujarrabat: *Khasiat ayat-ayat al-Quran dan rawatan tradisional*. [Seminar]. Seminar dan Pameran Perubatan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.
- Ali Abdullah al Difa. (2015). Kedudukan perubatan Arab di dunia barat: Suatu analisis sejarah dan kepakaran. *Jurnal Ilmu Kefarmasian Indonesia*, 13(2), 83–92.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. Sahih al-Bukhari.t.t.
- Al-Haytami, Ahmad bin Muhammad Ibn Hajar. (t.t). al-Fatāwā alFiqhiyyah al-Kubrā, Dār al-Fikr.
- Amir al Najjar. (1987). *Fi Tarikh al Tibb Fi al Daulah al Ilamiyyah*. Dar al Ma’arif.
- Asmiaty Abdul Samad & Fadila Azni Ahmad. (2018). Persamaan dan perbezaan konsep dan amalan perubatan tradisional Melayu dan Cina. Dlm. Darlina Mohd Naim, Zuraidah Mohd Yusoff, & Saad Othman. *Perubatan tradisional aplikasi semasa*, 37–56. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Awang Sariyan. (2005). *Traditional Malay medicinal plants*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Bustan al-Salatin MSS 3059, Koleksi Perpustakaan Negara.  
Cod. Or. 1714 Kitab Tib, Koleksi Universiti Leiden.
- Dardjowidjojo, S. (2007). *Psikolinguistik: Memahami asas pemerolehan bahasa*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi. (2012). Perubatan Melayu tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 149–162.
- Haliza Mohd Riji. (2000). *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Mat Piah (2015). Ilmu perubatan Melayu Tradisional dari naskhah-naskhah lama. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(3), 3–17.
- Harun Mat Piah. (2019). *Kitab Tib: Ilmu perubatan Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Musa. (1997). *Epigrafi Melayu: Sejarah sistem tulisan dalam bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Latif, Siti Nor Aazhani Mohd Tohar, Farah Laili Muda@Ismail & Anita Ismail. (2018). Sumbangan orang Arab terhadap perkembangan pendidikan madrasah atau sekolah Arab di Malaysia. *Al-Hikmah*, 10(2), 35–53.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Istilah Melayu dan Arab dalam wacana muamalat. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 97–121.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2018). *Islamic-Arabesque: Carving the traditional Malay architecture*. [Prosiding]. AIP Conference Proceedings. AIP Publishing LLC.
- Muhammad Abdul Salam Syahin (Penyt.). (1971). *Al-Fatawi Al-Haditsiyah*. Dar al-Kutub alIlmiyah.
- Muhammad Remy Othman, Sayidah Asma Basir, Khadher Ahmad, Khalijah Awang & Zulkifli Mohd Yusof. (2023). Perubatan Islam: Analisis perkembangan, kesan, dan permerkasaan di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 28, 25–47.
- MSS 1292 Kitab Tib, Koleksi Perpustakaan Negara.  
MSS 2515 Kitab Tib, Koleksi Perpustakaan Negara.  
MSS 489 Kitab Tib, Koleksi Perpustakaan Negara.  
MSS 2219 Kitab Tib, Koleksi Perpustakaan Negara.
- Nurdeng Deuraseh & Hayati Lateh. (2011). Rukyah (Jampi) dalam perubatan tradisional Melayu sebagai rawatan penyakit, pencegahan, pendinding diri dan harta: Kehebatan dan sumbangan ilmuwan nusantara. Dlm. Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali, Farid Mat Zain, Hakim Zainal, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Maheram Ahmad, Md

- Nor Abdullah, Napisah Karimah Ismail & Zamri Arifin (Penyt.). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Parta Ibeng. (2018). *Pengertian diagnosis, ciri, manfaat dan tahapan diagnosa*. Pendidikan.co.id. <https://pendidikan.co.id/pengertian-diagnosis/>.
- Roff, W. R. (1974). The origins of Malay medicine. *Journal of Southeast Asian History*, 15(2), 223–238.
- Shellabear, W. (1901). The evolution of Malay spelling. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 36, 75–135.
- Zubaidah Sidek. (1994), Peranan jampi serapah dan doa-doa dalam perubatan tradisional: Satu kajian di Bachok, Kelantan. [Latihan Ilmiah]. Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya.